



Anwar tiba untuk menunaikan Solat Jumaat di Surau Al-Kauthar, Bandar Baru Bangi, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

'PM masa hadapan tetap orang Melayu'

Anwar ingatkan pembangkang usah mainkan isu boleh jejas hubungan kaum

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Bangi: Calon Perdana Menteri di negara ini akan kekal disandang orang Melayu dan tiada sebarang keperluan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk mengesahkan hanya kaum Melayu menjadi Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, calon Perdana Menteri sama ada dari kerajaan atau pembangkang di masa hadapan juga kekal dari kaum Melayu.

"Setakat ini tiada keperluan (untuk pindaan Perlembagaan).

"Sejak merdeka hingga sekarang, calon Perdana Menteri ialah Melayu. Selepas ini calon dari kerajaan pun Melayu, calon pembangkang juga Melayu.

"Jadi (kita) kena maju terus dan hak rakyat, semua warga negara kita harus pelihara. Jaga kepentingan semua rakyat, semua kaum dan semua wilayah," katanya ketika ditemui pemberita selepas selesai menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Kauthar di Bandar Baru Bangi, di sini semalam.

Anwar mengulas cadangan Ketua Pemuda BERSATU, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal, kelmarin, supaya perlembagaan persekutuan dipinda supaya hanya orang Melayu boleh menjadi perdana menteri.

Cadangan itu juga disokong Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim Tuan Man, supaya Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi memastikan hanya orang Melayu menjadi Perdana Menteri demi menjamin "kestabilan dan keharmonian" negara.

Kontroversi siapa layak menjadi Perdana Menteri timbul selepas veteran DAP, Tan Sri Lim Kit Siang ketika berucap kepada pelajar Malaysia di London pada 29 November lalu, menyebut 'tiada sekatan dalam Perlembagaan untuk bukan Melayu menjadi Perdana Menteri'.

Katanya, Perlembagaan Persekutuan tidak menyekat bukan Melayu daripada menjadi Perdana Menteri dan berharap Malaysia tidak perlu tunggu 230 tahun seperti di Amerika Syarikat (apabila pemimpin kulit hitam pertama, Barrack Obama menjadi presiden) untuk melihat seorang bukan Melayu menjadi Perdana Menteri.

Usah laga-lagakan penduduk

Mengulas lanjut, Anwar mengingatkan pembangkang supaya tidak memainkan isu yang boleh menjejaskan keharmonian antara kaum sehingga menimbulkan perbalahan.

Beliau menasihati semua pi-

hak agar tidak mengajak rakyat untuk bergaduh sesama sendiri, sebaliknya cari jalan untuk kurangkan bebanan rakyat.

Katanya, banyak perkara yang dibangkitkan oleh pembangkang sebenarnya tidak mempunyai isu tetapi hanya untuk melaga-lagakan penduduk negara berbilang kaum.

"Seperti juga isu yang diuar-uarkan pembangkang mengenai persempadanan semula. Perkara itu tidak berbangkit pun, hanya untuk melaga-lagakan, nak bagi orang lagi marah, orang Cina lagi marah.

"Ia tidak berbangkit dan dia (pembangkang) tidak faham Perlembagaan. Perlembagaan membolehkan kita mengkaji semula persempadanan itu pada akhir 2026 sahaja.

"Nak sibuk pasal apa... carilah modal untuk bantu bagaimana mahu angkat ekonomi, nak kurangkan beban rakyat. Jangan duk ajak bergaduh sahaja... tak letih ke," katanya.

Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan secara khusus kriteria menjadi Perdana Menteri mestilah berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Menurut Perkara 43(2)(a) sesiapa sahaja rakyat Malaysia, kita kira bangsa atau agama boleh menjadi Perdana Menteri.

Peruntukan itu meletakkan tiga syarat untuk menjadi Perdana Menteri, iaitu menjadi ahli Parlimen, mempunyai sokongan majoriti di Dewan Rakyat dan diperkenan Yang di-Pertuan Agong.